

Mahathir tandatangani buku ucapan takziah Obuchi

UM 18 MAY 2000

KUALA LUMPUR 17 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menandatangani buku ucapan takziah atas kematian bekas Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi di Kedutaan Jepun di sini.

Perdana Menteri bersama Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar tiba di kedutaan itu pada pukul 2.30 petang dan di-

sambut oleh Duta Jepun ke Malaysia, Hideki Harashima

Dr. Mahathir kemudiannya terus dibawa ke bilik khas di tingkat atas bangunan kedutaan itu untuk menandatangani buku ucapan takziah tersebut, diikuti oleh Syed Hamid.

Beliau secara peribadi turut menyampaikan rasa

pengharganya dan kerajaan Malaysia atas segala usaha yang dilakukan oleh Obuchi terutama berkaitan dengan hubungan melibatkan kedua-dua buah negara.

Turut hadir ialah Pengerusi Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia Jepun (JACTIM), Tan Sri Suzuki dan isteri.

Obuchi, 62, meninggal

dunia pada 14 Mei lalu selepas enam minggu berada dalam keadaan koma akibat serangan angin ahmar.

Tempat beliau selaku Perdana Menteri Jepun diambil alih oleh Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Yoshiro Mori selepas dipilih oleh Dewan Rendah Parlimen Jepun.